

Pelajar madrasah diseru bantu kekang ganas

Oleh AZAHAR MOHD
azahar@sph.com.sg

PELAJAR madrasah sepenuh masa, sebagai bakal asatizah, boleh memainkan peranan penting dalam usaha mengekang ideologi ganas menular

di kalangan belia Islam setempat.

Mereka boleh mengajak para belia mempelajari tentang Islam secara mendalam dan betul kerana mereka mempunyai pengetahuan baik mengenai prinsip-prinsip Islam.

Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar), Encik Zainul Abidin Rasheed, membuat gesaan itu sewaktu merasmikan *Konvensyen Madrasah 2007* di Madrasah Aljunied Al-Islamiah semalam.

Encik Zainul berkata konvensyen itu amat penting kerana ia dapat mendidik generasi muda Muslim mengenai ni-

lai-nilai keislaman dan bahaya ekstremisme.

“Dan dengan pengetahuan yang anda miliki, anda boleh mengajak para belia lain seperti anda dan bantu mereka memahami bahawa Islam bukan tentang kekerasan, kematian dan kerosakan. Tetapi Islam adalah aman, harmoni dan kesederhanaan,” ujar beliau.

Mudir Madrasah Aljunied, Ustaz Mohamad Hasbi Hassan, pula berkata pelajar madrasah yang sudah pun diberi pengetahuan tentang dasar-dasar agama boleh mendekati belia yang mungkin tidak

mempunyai asas agama yang kuat.

“Mereka boleh memperkenalkan kepada para belia lain pemahaman tentang Islam dan cara-cara mempelajarinya secara betul,” kata beliau.

Konvensyen bertema *Ilmu dan pelibatan masyarakat sebagai benteng terhadap radikalisme dan ekstremisme* itu dianjurkan bersama oleh Taman Bacaan, Madrasah Aljunied, Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) dan Jawatankuasa Jagaan Lanjut Antara Agensi (IAAC).

Lebih 200 pelajar dari enam madrasah sepe-

nuh masa berusia 16 dan 17 tahun serta 15 mahasiswa Universiti Al-Azhar yang pulang ke tanah air untuk bercuti menghadiri konvensyen itu.

Para peserta antara lain diberi taklimat mengenai RRG, termasuk usahanya membantu mengekang ideologi pengganasan, dan mengenai ancaman keselamatan terkini yang dihadapi Singapura oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (ISD).

Mereka juga diberi taklimat mengenai pengganasan oleh Ustaz Mohamed Ali dan Ustaz Muhammad Haniff Hassan.